

SKIM PERKHIDMATAN
BAGI JAWATAN KONSTABEL POLIS GRED YA1

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

KONSTABEL POLIS GRED YA1 (LELAKI/WANITA)

1. Skim Perkhidmatan bagi jawatan Konstabel Polis Gred YA1 yang dikeluarkan melalui:
 - i) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2016 bertarikh 7 April 2016 yang berkuatkuasa pada 1 Julai 2016.
2. Syarat-syarat permohonan :-
 - a) Terdiri dari Warganegara Malaysia;
 - b) **Berumur tidak kurang 18 tahun dan tidak lebih daripada 28 tahun pada tarikh permohonan secara *online*;**
 - c) Kelayakan Akademik:
 - i) Lulus **Sijil Pelajaran Malaysia** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
[Gaji permulaan ialah pada Gred YA1 : RM 1,441.00]; dan
Dua (2) kepujian termasuk Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (serta lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia dan lulus empat (4) mata pelajaran lain atau ;
 - ii) Lulus **Sijil Vokasional Malaysia** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.
[Gaji permulaan ialah pada Gred YA1 : RM 1,441.00]; dan
Kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu Kod 1104 (sekurang-kurangnya gred 'C'), mempunyai purata nilai gred kumulatif akademik (sekurang-kurangnya 2.00), purata nilai kumulatif vokasional (sekurang-kurangnya 2.67) dan kompeten semua modul vokasional terutamanya dalam bidang kursus seperti berikut ;
 - a) Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik;
 - b) Teknologi Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan;
 - c) Teknologi Kejuruteraan Awam;
 - d) Perniagaan;
 - e) Teknologi Maklumat dan Komunikasi atau;
 - f) Teknologi Kejuruteraan Marin

atau;

- iii) Lulus **Sijil Pelajaran Malaysia (seperti para i)** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan **serta Sijil Kemahiran Tahap 2** dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya **atau**;
[Gaji permulaan ialah pada Gred YA1 : RM 1,507.01];
- iv) Lulus **Sijil Pelajaran Malaysia (seperti para i)** atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan **serta Sijil Kemahiran Tahap 3** dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
[Gaji permulaan ialah pada Gred YA1 : RM 1,573.02];
- d) Kelayakan Fizikal:
Pemohon-pemohon hendaklah mempunyai ukuran fizikal dan pancaindera seperti berikut:-
 - i) Tinggi sekurang-kurangnya **163 sm** (lelaki) dan **157 sm** (wanita) tanpa bersepatu;
 - ii) Berat badan sekurang-kurang **50 kg** (lelaki) dan wanita sekurang-kurangnya **48 kg**;
 - iii) Mempunyai ukuran **Indeks Jisim Badan (BMI)** di antara julat **19 hingga 26**;
 - iv) Ukuran lilitan dada biasa **81 sm** (normal) dan semasa menarik nafas **86 sm (lelaki sahaja)**;
 - v) Lulus ujian penglihatan bagi mata kiri dan kanan yang diuji berasingan dengan ketetapan **V/6/9** tanpa menggunakan alat bantuan;
 - vi) Pengecaman warna dan pendengaran yang tidak cacat; dan
 - vii) Diperiksa dan diperakui sihat untuk berkhidmat oleh pengamal perubatan berdaftar (kerajaan).

DIKSKRIPSI TUGAS :-

Menjalankan tugas-tugas kepolisan selaras dengan fungsi Jabatan Pengurusan, Jabatan Siasatan Jenayah, Jabatan Siasatan Jenayah Komersil, Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Jabatan Keselamatan Dalam Negeri/Ketenteraman Awam, Cawangan Khas, Jabatan Integriti dan Pematuhan Standard, Jabatan Siasatan Penguatkuasaan Trafik, Jabatan Logistik dan Teknologi serta Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti.

Di antara tugas-tugas tersebut ialah mentadbir, merancang pencegahan jenayah, menyiasat, menangkap dan mendakwa, mengatur kawalan trafik, mengumpul risikan, menyediakan peralatan dan perhubungan, rondaan mencegah jenayah, mengawal, mengiringi pesalah-pesalah serta mengawal dan mengekalkan keselamatan awam di darat, laut dan udara bagi mewujudkan suasana aman dan tenteram di kalangan rakyat dan negara;

KELAYAKAN GAJI

<u>Jadual Gaji</u>	<u>Gaji Minimum</u>	<u>Gaji Maksimum</u>
Gred YA1	: RM 1,441.00	- RM 4,152.00
Kadar Gaji Tahunan : RM 105.00		

ELAUN DAN KEMUDAHAN

<u>Elaun dan kemudahan</u>	<u>Jumlah</u>
Elaun Tetap Perumahan	: RM 300
Elaun Cola	: RM100 - RM 350
Elaun Khidmat Awam	: RM 115
Elaun Khas PDRM	: RM 200
Elaun Seragam PRP/ Konstabel	: RM 690
Elaun Kasut	: RM 300
Bayaran Insentif Wilayah (Bertugas ke Sabah/Sarawak dan sebaliknya) diberi berdasarkan peratusan gaji yang diterima	